

## BIODATA



Datuk Seri Johari Abdul Ghani merupakan anak jati Kuala Lumpur, beliau dilahirkan dan dibesarkan di sebuah perkampungan setinggan di Kampung Pandan, Kuala Lumpur, pada tahun 1964. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Pandan (*kini dikenali sebagai SRK Tun Hussein Onn*) pada tahun 1971 hingga 1976 dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Kampung Pandan, bermula dari tahun 1977 hingga 1981.

Beliau meneruskan pengajian ke peringkat Diploma dalam jurusan Perakaunan pada tahun 1982 hingga 1985 di Institut Teknologi MARA (ITM), Shah Alam. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran dalam jurusan yang sama di United Kingdom dan berjaya memperoleh kelulusan 'Chartered Association of Certified Accountants' pada tahun 1988 dan ditauliahkan sebagai 'Fellowship of the Chartered Association of Certified Accountants' pada tahun 1993.

Datuk Seri Johari memulakan kerjaya di sebuah firma perakaunan antarabangsa, Peat Marwick & Co. (*kini dikenali sebagai KPMG*) sebagai juruaudit. Beliau kemudiannya turut memegang beberapa jawatan penting di beberapa syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham, Kuala Lumpur. Beliau pernah menjadi pengarah urusan syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri penyediaan makanan segera, minuman, pengilangan serta pertanian.

Datuk Seri Johari turut aktif dalam bidang politik semenjak tahun 1988. Kini beliau menyandang jawatan Ketua UMNO Bahagian Titiwangsa, Pengerusi Penyelaras Barisan Nasional Titiwangsa, Bendahari Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Pengerusi Biro Ekonomi UMNO Malaysia dan Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO.

Prihatin dengan pelbagai isu yang membelenggu masyarakat di Parlimen Titiwangsa, beliau telah mengambil inisiatif menubuhkan Pusat Khidmat Masyarakat Titiwangsa pada Julai 2010, bagi membantu menyelesaikan pelbagai isu dan permasalahan masyarakat tanpa mengira agama, kaum dan perbezaan fahaman politik. Pada Mei 2013 beliau menjadi calon Barisan Nasional dan memenangi pilihan raya bagi kerusi Parlimen Titiwangsa pada PRU Ke-13. Pada Jun beliau mengangkat sumpah sebagai Ahli Parlimen Titiwangsa.

Selama 2 tahun Datuk Seri Johari menjadi *backbencher* di Parlimen dan pada masa yang sama beliau dilantik menjadi Pengerusi UDA Holding Berhad. Pada Julai 2015 beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri Kewangan dan 11 bulan selepas itu beliau dilantik menganggotai Jemaah Menteri sebagai Menteri Kewangan Ke-2.

Datuk Seri Johari turut dilantik menganggotai Majlis Ekonomi Negara (*NEAC*) jawatankuasa tertinggi merumuskan strategi ekonomi negara, Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional agensi menguruskan dana pelaburan strategik negara, Pengerusi LADA badan pengurusan pentadbiran Pulau Langkawi, pemegang amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra anak syarikat PNB, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputra dan Pengerusi Yayasan Bena Nusa.

Sebagai tanda penghargaan atas usaha-usaha beliau dalam bidang kemasyarakatan, sosial politik, korporat dan perniagaan, beliau dikurniakan Darjah Kebesaran Negeri Selangor (*D.S.I.S*) oleh YAM Sultan Selangor Sultan Sharifuddin Idris Shah yang membawa gelaran *Dato'* pada tahun 2003. Seterusnya pada tahun 2005, beliau dianugerahkan Darjah Kebesaran Persekutuan Panglima Jasa Negara (*P.J.N.*) oleh Yang Di-Pertuan Agong XII Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail yang membawa gelaran *Datuk* dan pada 1 Februari 2017 beliau dianugerahkan Darjah Seri Mahkota Wilayah (*S.M.W.*) oleh Yang Di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V yang membawa gelaran *Datuk Seri*.

Datuk Seri Johari Abdul Ghani boleh dihubungi di Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Parlimen Titiwangsa yang beralamat di No. 39, Jalan 3/76D, Desa Pandan, 55100 Kuala Lumpur. Telefon: 03-9287 5807, Faks: 03-9287 5831 yang dibuka dari hari Isnin hingga Jumaat dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang.

 Johari Abdul Ghani  @joharighani\_ttw  
 joharighani\_ttw  mjoghani@gmail.com